



SIARAN MEDIA

KPKT SERAH 301 SURAT TAWARAN PPR REMBAU FASA 2 MELALUI SKIM SEWA UNTUK MILIK

REMBAU, 16 Jun 2026 - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu menyempurnakan **Majlis Penyerahan Surat Tawaran Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Dato' Undang Haji Muhamad Sharip (PPR Rembau) Fasa 2 di Mukim Chembong** hari ini. Majlis tersebut turut disempurnakan bersama oleh YB Tuan Arul Kumar A/L Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan, selaku wakil rasmi Menteri Besar Negeri Sembilan.

Sebanyak 301 surat tawaran penempatan telah diserahkan kepada para penerima dalam majlis ini. Manakala bagi Fasa 1 yang berlangsung pada 25 Julai 2025 lalu, kadar pengisian semasa adalah sebanyak 151 unit.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menerima sehingga **2,683 permohonan bagi PPR Rembau** iaitu lebih lima (5) kali ganda melebihi jumlah unit yang tersedia. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil pendekatan proaktif untuk menyaring dan memberi keutamaan mutlak kepada golongan miskin tegar yang mempunyai pendapatan isi rumah RM2,000 dan ke bawah serta kriteria-kriteria berasaskan kebajikan yang lain agar keadilan sosial benar-benar tercapai.

YB Datuk Hajah Aiman Athirah menjelaskan bahawa proses pengisian PPR Rembau ini akan memberikan faedah dan nilai tambah yang amat besar kepada landskap sosioekonomi di Negeri Sembilan. Penyediaan rumah yang berkualiti pada kadar mampu bayar ini bakal menjadi kunci utama membasmi gejala setinggan dan belunggu kemiskinan di segenap ceruk negeri.

Beliau menambah, "Agenda perumahan di bawah KPKT bukan sekadar mendirikan binaan konkrit, sebaliknya adalah untuk membina persekitaran yang dilengkapi fasiliti

awam bermutu demi menjamin kualiti hidup rakyat. Kita mahu kestabilan tempat tinggal ini menjadi pemangkin kepada mobiliti sosial yang cemerlang dan membasmi belunggu kemiskinan di Negeri Sembilan".

PPR Rembau mula dibangunkan pada 4 Mac 2020 dengan kos sebanyak RM91,217,866.52 melibatkan pembinaan **452 unit rumah teres satu (1) tingkat** di atas kawasan seluas 39.70 ekar, termasuk empat (4) unit khas untuk keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Setiap unit kediaman mempunyai keluasan 700 kaki persegi dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam seperti surau, dewan komuniti, tadika, taman permainan serta medan selera.

PPR Rembau merupakan kediaman mampu milik Skim Sewa-Untuk-Milik (RTO) yang bertujuan untuk memberikan akses kepada kediaman kepada golongan B40 tanpa bebanan kewangan permulaan yang tinggi, sekali gus membantu golongan sasaran mencapai impian untuk memiliki rumah mereka sendiri. Melalui skim RTO ini, penyewa yang layak dan berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan hanya perlu membayar RM225 sebulan dengan caj penyelenggaraan tambahan sebanyak RM12 sebulan.

Majlis hari ini menzahirkan penghargaan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) selaku badan pengurusan PPR Rembau serta agensi yang terlibat atas kerjasama erat dalam menjayakan majlis ini.

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan KPKT dalam menyediakan perumahan berkualiti, mampu milik dan lestari demi meningkatkan taraf hidup rakyat. Selaras dengan prinsip Malaysia MADANI, KPKT menekankan kerjasama kukuh antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan agenda kesejahteraan rakyat melalui penyediaan perumahan yang kondusif dan inklusif.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my